

الجامعة الإسلامية العالمية

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY  
(UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA)



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بُوتِنَبْرِسْتِنِي اِسْلَامِي اَبِيَا رِبْعِنَا مِلْدِنِيَا

ACARA JENAYAH DALAM UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN  
AGAMA ISLAM PERAK 11/1965 DENGAN  
PENELITIAN TERHADAP KES-KES

DISEDIAKAN OLEH:

MOHD. YUSOP BIN HAJI HUSIN

DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
SESI 1989/1990

NO. METRIK: 89/12

PENYELIA:

PROF. MADYA DR. MAHMUD SAEDON AWANG OSMAN

DONATED TO THE LIBRARY OF  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY  
BY

*Dr. Mahmud Saedon Awang Osman*  
*Deputy Dean (Academic), Kull. of Laws.*  
Date Received: *Chia 22/8/90*

# I S I K A N D U N G A N

<u>Bil.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
	Pendahuluan	
	Sinopsis	
<u>Bab I</u>	Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Perak.	
1.1.	Undang Undang Sembilan Puluh Sembilan	1
1.2.	Undang Undang Bab 197 Tahun 1900 FMS	2
1.3.	Muhammadan Marriage and Divorce Registration	3
1.4.	Undang Undang Kesalahan Syarak 1939	4
1.5.	Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965	5
<u>Bab II</u>	Kedudukan Mahkamah Syariah Negeri Perak	7
2.1.	Mahkamah Kadi dan Mahkamah Kadi Litar	8
2.2.	Mahkamah Kadi Besar	10
2.3.	Jawatankuasa Ulangbicara	14
<u>Bab III</u>	Bidangkuasa Jenayah Dalam Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965	17
3.1.	Perlembagaan Persekutuan	17
3.2.	Bidangkuasa Jenayah Dalam Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965	19

3.3.	Perkembangan Mutaakhir	28
<u>Bab IV</u>	Acara Jenayah Dalam Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965	34
4.1.	Pengenalan Kepada Acara Jenayah Mahkamah Syariah Perak	34
4.2.	Acara Jenayah Di dalam Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965	40
<u>Bab V</u>	Kajian Kes Di mana Terdapat Salah Acara Jenayah	70
5.1.	5 Kes Mahkamah Kadi	72
5.2.	7 Kes Mahkamah Kadi Besar	84
5.3.	1 Kes Jawatankuasa Ulangbicara	111
5.4.	Kesimpulan	116
<u>Bab VI</u>	Penutup	118
	Rujukan	

## Pendahuluan:

Acara Jenayah Mahkamah Syariah Negeri Perak masih merupakan Acara yang diwujudkan di dalam Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965 yang masih digunakan hingga hari ini. Biar pun ianya tidak begitu lengkap serta mempunyai kelemahan. Dalam keadaan keadaan tertentu terpaksa merujuk kepada amalan di Mahkamah Awam. Ini menampakkan bahawa Mahkamah Syariah tidak dapat berdiri dengan sendiri malah terpaksa 'bertenggek' di atas Mahkamah Awam. Keadaan ini amatlah tidak sesuai kerana Mahkamah Syariah perlu mempunyai prinsip dan caranya sendiri untuk melaksanakan keadilan.

Dalam proses mewujudkan Kanun Acara Jenayah sendiri, beberapa buah negeri di Malaysia telahpun mempunyai Kanun Acara Jenayah yang berasingan dari Undang Undang Induk seperti Negeri Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan. Negeri Perak boleh mengambil contoh dari dari negeri negeri tersebut untuk dijadikan panduan dalam menggubal Kanun Acara Jenayah Mahkamah Syariah.

Dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini yang merupakan salah satu syarat untuk menyempurnakan Diploma Undang Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, penulis telah cuba untuk melakukannya dengan sebaik mungkin, namun pada anggapan penulis ini bukanlah satu kajian yang terbaik. Jutaan terimakasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman yang merupakan Penyelia kepada penulis di atas tunjuk ajar yang telah diberikan.

Akhirnya penulis ingin mengucapkan 'Jazakumullahu Khairan Kاثira' kepada semua pensyarah yang terlibat memberi kursus kepada penulis dan penulis merasakan bahawa kursus ini telah memberikan sumbangan yang besar ke arah mempertingkatkan kedudukan

Mahkamah Syariah. Penghargaan juga diberikan kepada pihak Pentadbir Universiti Islam Antarabangsa, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak serta Kerajaan Negeri yang telah mencalonkan penulis untuk mengikuti Kursus ini.

Penulis

Mohd Yusop bin Haji Husin

Universiti Islam Antarabangsa

## Sinopsis

Kertas Projek ini mengandungi Enam Bab yang memperkatakan ten Mahkamah Syariah Perak serta tajuk Kertas projek ini.

Bab Pertama menceritakan tentang sejarah penubuhan Mahkamah Syariah Perak dengan penggunaan Undang Undang 99, Undang Undang bab 197 FMS, Muhammadan Marriage and Divorce Registration, Undang Undang Kesalahan Syarak 139 dan Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965.

Bab kedua menceritakan tentang kedudukan Mahkamah Syariah ia itu Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Ulang bicara.

Bab ketiga menyentuh tentang bidangkuasa Jenayah Mahkamah Syariah Perak dalam UPAIPk 11/1965 disamping melihat kepada bidang kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan, perkembangan mutaakhir berhubung dengan Mahkamah Syariah serta turut membicarakan bidang kuasa Mahkamah dari sudut Islam.

Bab keempat memperkatakan tentang tajuk Kertas Projek iaitu per bincangan mengenai Acara Jenayah Mahkamah Syariah yang terdapat di dalam UPAIPk 11/1965. Pandangan Islam turut dikemukakan.

Bab kelima merupakan sebahagian dari tajuk Kertas Projek iaitu pengkajian terhadap kes kes dengan melihat kepada kesalahan Acara yang telah dilakukan.

Bab terakhir merupakan penutup di mana terdapat beberapa sara nan dikemukakan untuk mempertingkatkan imej Mahkamah Syariah.

## SEJARAH PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH PERAK

Sebelum dibuat kajian yang lebih mendalam terhadap tajuk Ker-  
tas Projek ini adalah lebih baik dikemukakan latar belakang  
Sejarah penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Perak. Pengkajian  
ini akan dilihat sebelum wujudnya Undang Undang Pentadbiran  
Agama Islam Perak 11/1965 iaitu Undang Undang yang masih ber-  
kuatkuasa hingga ke hari ini.

Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang dimasukkan ke da-  
lam 'Federated Malay State' yang ditubuhkan oleh Penjajah  
British pada tahun 1896. Mulai dari penubuhan Persekutuan ini  
hinggalah sekarang D.Y.M.M. Sultan Perak merupakan Ketua Aga-  
ma Islam dan Adat Melayu Perak. Kenyataan ini juga termaktub  
dalam Undang Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak 1960.<sup>(1)</sup>

### 1.1. Undang Undang Sembilan Puluh Sembilan

Setakat yang dapat diketahui Undang Undang Sembilan Puluh  
Sembilan atau dalam bahasa Inggerisnya 'Ninety Nine Laws  
of Perak' adalah merupakan Undang Undang yang tertua dalam  
Negeri Perak mengenai hal ehwal agama.

Undang Undang ini telah dikanunkan pada tahun 1878. Walau-  
pun peruntukan peruntukan tersebut telah dikanunkan kita  
tidak dapat mengetahui sejauh manakah ianya dikuatkuasakan.<sup>(2)</sup>

Penguatkuasaan Undang Undang ini berjalan sehingga ke ta-  
hun 1900 apabila ianya digantikan oleh satu Undang Undang

---

(1) Undang Undang Tubuh Kerajaan Perak Fasal VI Ms.5  
Cet. Kerajaan oleh B.T. Fudge 1960.

(2) Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim, Sistem Undang Undang di Ma-  
laysia, Ms. 13, Cet. D.B.P. 1986.



iaitu Bab FMS 197.

Undang Undang Sembilan Puloh Sembilan ini di antara lain mem peruntukkan perkara perkara berhubung dengan pembunuhan, pen dakwaan, kehakiman, penceraian, zina, perkahwinan, nafkah dan be berbagai perkara lagi yang berjumlah sembilan puloh sembilan fasal. Antara contoh yang dapat dimuatkan di sini ialah:-

Fasal 54:

'Undang Undang perempuan mengaku hendak cherai apa hukumnya? maka sembah Menteri, 'Pertama tiada nafkah batin, kedua tiada nafkah dzahir, bolehlah cherai'. (3)

Fasal 50:

'Undang Undang orang berzina dengan seorang perempuan sudah sampai aduan kepada penghulu mukim itu apa hukumnya? maka sembah Menteri, 'Jika mengaku antara keduanya bolehlah dinikahkan dan kena dendang sa paha emas; jika penghulu Mukim itu tiadalah, salah, salah boleh muafakat.'. (4)

Selepas daripada tahun 1900 Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Perak telah mengalami beberapa perubahan, cara penyusunan dan sebagainya mengikut perubahan semasa.

1.2. Undang Undang Bab 197 Tahun 1900 FMS

Seperti yang dinyatakan di atas pada tahun 1900 telah dikuatkuasakan satu Undang Undang yang dinamakan 'Undang Undang Pentadbiran Perkahwinan Orang Islam Bab 197 FMS'. Dengan pe

---

(3) The Ninety Nine Law of Penak Ms.74, Cet .K.Lumpur, J.Russel at the F.M.S.Government Press 1908.

(4) Ibid Ms.72

kuatkuasaan Undang Undang ini didirikan sebuah Pejabat di Kuala Kangsar yang dinamakan Balai Syarak. Di Balai ini ditempatkan seorang Kadi Besar yang mengetuai beberapa orang Kadi Wilayah. Wilayah Kadi yang wujud pada masa itu ialah: Tanjong Malim (Sekarang dimasukkan ke dalam Wilayah Kadi Slim River), Tapah, Telok Intan, Batu Gajah, Ipoh, Sitiawan (Sekarang dimasukkan ke dalam Wilayah Kadi Manjong), Taiping, Simpang Lima (sekarang dimasukkan ke dalam Wilayah Kadi Parit Buntar), Kuala Kangsar, Selama, Lenggong, Parit dan Gebik. Wilayah Kadi Kroh (sekarang Pengkalan Hulu) dipangku oleh Kadi Gerik. (5)

### 1.3. Muhammadan Marriage and Divorce Registration

Pada 18hb. April 1900 telah dibuat satu Enakmen mengenai pendaftaran perkahwinan dan penceraian orang orang Islam. Undang undang ini dinamakan 'Muhammadan Marriage and Divorce Registration'. Enakmen ini memberikan kuasa kepada Kadi untuk mendaftarkan perkahwinan dan penceraian orang orang Islam. Enakmen ini juga menerangkan tentang kaedah kaedah pendaftaran perkahwinan, penegsahan penceraian dan hukuman terhadap kesalahan melanggar Enakmen tersebut. Ini mungkin pertama kali pernikahan dan penceraian didaftarkan mengikut kaedah pendaftaran dan penceraian di bawah Enakmen ini. (6)

Antara contoh fasal fasal yang terdapat dalam Enakmen ini ialah:-

#### Fasal 4 (English Version)

'Within seven days of divorce the husband or wife shall report such divorce to the Kadi or Naib al Kadi of the

---

(5) Majalah Suara Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Bil 1 Ms.7 JPN Ipoh 1982

(6) MALAYSIANA. Perak Enactment 1900. Perpustakaan Universiti Malaya Ms.11.

district in which such divorce takes place. The Kadi or Naib Kadi shall register the particulars and nature of such in a register kept for that purpose in the form contained in schedule C hereto. The Kadi or Naib Kadi shall issue certificates, one for the husband and one for the wife, on payment of a fee of fifty cents for each certificate, in the form contained in the schedule D hereto'.

#### 1.4. Undang Undang Kesalahan Syarak 1939

Pada tahun 1918 Al Marhum Sultan Iskandar Shah telah menaiki takhta Kerajaan Negeri Perak. Baginda diakui sebagai seorang Sultan yang menghabiskan banyak masanya untuk kepentingan rakyat. Baginda juga diakui sebagai Sultan yang alim dan mengambil berat tentang hal ehwal agama. Hal ini terbukti apabila Baginda menerbitkan satu risalah yang berupa kitab Agama dan dinamakan 'Risalah Iskandar'. Di dalam Risalah ini ada menyebutkan beberapa perkara agama termasuklah tentang kesalahan makan di khalayak ramai dalam bulan puasa.

Pada tahun 1938 Baginda telah mangkat. Di atas kesedaran dan penghargaan ahli ahli agama mereka berpendapat perlu ada satu Undang Undang yang dapat mentadbir urusan agama termasuklah mengenai kesalahan makan di khalayak ramai di dalam bulan ramadhan. Beberapa usaha telah dibuat dan akhirnya pada tahun 1939 telah dikuatkuasakan satu Undang Undang baru yang dinamakan Undang Undang Kesalahan Syarak 1939 dan pelaksanaannya diletakkan di bawah 'Balai Syarak' yang fiwujudkan pada tahun 1900. (7)

1.5. Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965

Pada tahun 1965 satu Undang Undang telah digubal dan dikuatkuasakan. Undang Undang ini dinamakan Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965. Undang Undang ini telah meminda dan menyatukan Undang Undang yang berkaitan dengan penubuhan, penyusunan dan pentadbiran semua: semua perkara yang berkaitan dengan Agama Islam dan Mahkamah Syariah Negeri Perak. (8)

Enakmen Bil 11 tahun 1965 ini mempunyai sepuluh bahagian. Bahagian bahagian itu ialah:-

- I- Gelaran Pendek dan Makna
- II- Penubuhan Majlis
- III- Mahkamah Mahkamah Syariah
- IV- Kewangan Amanah Khairat ( Baitulmal, Wakaf dan Zakat Fitrah.
- V- Masjid
- VI- Nikah ,Cerai dan Rujuk
- VII- Nafkah tanggungan
- VIII- Muallaf
- IX- Kesalahan kesalahan
- X- Perkaraperkara Am

Walau bagaimanapun bahagian VI dan VII serta kesalahan kesalahan yang berkaitan dengan Nikah, Cerai dan Rujuk di bahagian IX telah dikeluahkan daripada Undang Undang Undang 11/1965, untuk membentuk satu Enakmen yang berasingan yang dikenali sebagai Enakmen Undang Undang Keluarga Islam Perak 1984. (9) Peruntukan peruntukan yang terdapat di dalam Enakmen ini ada

---

(8) Undang Undang ini telah diluluskan oleh Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Perak pada 21hb. Disember 1965.

(9) Diluluskan oleh Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Perak pada 15hb. Nov. 1984 dan diperkenankan oleh DYMM Sultan Perak pada 22hb. Jan. 1985 dan disiarkan untuk pengetahuan umum pada 14hb. Feb. 1985 di dalam tambahan Enakmen No. 2. Jil. 3 Bil. 4.

lah pengubahsuaian dari Undang Undang 11/1965 bagi memenuhi kehendak semasa. Antaranya ialah berhubung dengan penceraian melalui Mahkamah dan kenailan kadar penalti kepada \$1000.00 (maksima) dan penjara 6 bulan atau gabungan kedua duanya. Apa yang jelas Enakmen baru ini bertujuan mewujudkan keselarasan semua negeri negeri di Malaysia. Enakmen ini telah dikuatkuasakan pada 1hb. Februari 1988.

KEDUDUKAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERAK

Mahkamah Syariah Negeri Perak adalah Institusi yang berasingan daripada Majlis Hal Ehwal Islam dan Adat Melayu Perak. Ia nya berfungsi sebagai satu Institusi yang membicarakan atau memutuskan kes kes yang dihadapkan atau dikemukakan.

Mahkamah Syariah diketuai oleh seorang yang berjawatan sebagai Kadi Besar yang dilantik oleh D.Y.M.M. Sultan Perak selaku Ketua Agama Negeri. Kuasa perlantikan ini dinyatakan dalam Seksyen 43(1) UPAIPk 11/1965. Seksyen ini berbunyi:-

'Dengan syarat Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, selepas berunding dengan Majlis melantik secara sementara mana mana Kadi menjalankan tugas dan kuasa Kadi Besar seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini atau mana mana Undang Undang bertulis'.<sup>(10)</sup>

D.Y.M.M. Sultan juga berkuasa untuk membuat perisytiharan penubuhan Mahkamah Syariah seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 44(1) dan 44(2) UPAIPk 11/1965. Seksyen 44(1) memperuntukkan:-

'Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dengan mengisytiharkan dalam warta kerajaan menubuhkan Mahkamah Kadi Besar bagi Negeri ini'.<sup>(11)</sup>

Seksyen 44(2):-

'Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dengan mengisytiharkan dalam Warta Kerajaan menubuhkan Mahkamah Kadi di tempat tempat yang difikirkan patut dan boleh menghadkan Wilayah Wilayah tadbir Mahkamah itu'.<sup>(12)</sup>

---

(10) Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/65 Ms 38

(11) Ibid

(12) Ibid

Secara keseluruhannya dalam mengendalikan kes kes Mahkamah Syariah terdapat dua bahagian yang dinamakan Mahkamah manakala satu dikenali sebagai Jawatankuasa. Ketiga tiga bahagian itu ialah:-

I- Mahkamah Kadi/ Kadi litar

II- Mahkamah Kadi Besar

III- Jawatankuasa Ulangbicara

### 2.1. Mahkamah Kadi dan Mahkamah Kadi Litar

Mahkamah Kadi/Kadi Litar diwujudkan di tiap tiap Wilayah Kadi di Negeri Perak. Ini bermakna Negeri Perak mempunyai 16 Mahkamah di 16 Wilayah Kadi. Perlu dijelaskan di sini bahawa buat masa ini Wilayah Kadi di Negeri Perak tidak mengikut sebagai mana 9 Daerah yang ditadbirkan oleh 9 Pegawai Daerah di Negeri Perak.

Kadi merupakan Pegawai yang dilantik dengan tauliah oleh D.Y.M.M. Sultan Perak. Mereka bertindak sebagai Pendaftar Mahkamah dan juga sebagai Hakim dalam membicarakan kes kes yang mempunyai bidangkuasa tidak melebihi seratus ringgit atau penjara selama sebulan. Fasal 45(4)a dan b ada menyebutkan:-

(4) Mahkamah Kadhi hendaklah:

- (a) dalam kuasa tadbir jinayahnya, membicarakan apa apa kesalahan yang dilakukan oleh orang yang boleh dihukum di bawah Undang Undang ini tetapi setinggi tinggi hukum yang ditentukan oleh Undang Undang di atas kesalahan itu ialah tidak berlebihan daripada sebulan penjara atau denda yang tidak lebih daripada seratus ringgit atau keduanya dan boleh memjatuhkan hukum yang demikian itu'

(b) di dalam kuasa tadbir Mal nya membicarakan dan memutuskan segala pembicaraan di atas segala perkara sebagaimana yang dikuatkuasakan kepada Mahkamah Kadi Besar membicarakan dan memutuskannya. Tetapi hanya tuntutan yang dibicarakan itu tidak boleh lebih daripada seribu ringgit atau tidak boleh dinilai atau diharga dengan wang. (13)

Di dalam membicarakan kes kes nafkah, cerai taklik, fasakh dan penjagaan anak kebiasaannya dijalankan oleh Kadi Litar. Di Perak terdapat dua Kadi Litar iaitu Utara (Taiping) dan Selatan (Ipoh). Walau bagaimanapun dari segi amalnya keseluruhan kes kes yang ada dalam bidang kuasa Kadi dikendalikan oleh Kadi Litar atau Kadi Besar. Ada beberapa faktor yang menyebabkan keadaan seperti ini berlaku. Antaranya ialah Kadi Kadi Wilayah dihebankan dengan lebih banyak tugas pejtadbiran sama ada dari Jabatan atau Majlis Agama disamping aktiviti aktiviti peringkat Daerah yang dikendalikan oleh Pejabat Daerah. Keadaan ini menjadikan Kadi terlalu sibuk sehingga tidak dapat berfungsi seperti Kadi yang dimaksudkan. Keadaan ini tidak akan berubah melainkan wujudnya pemisahan antara Mahkamah dengan Jabatan.

Contoh Perbicaraan Kes Mahkamah Kadi

MAHKAMAH KADI IPOH

Kes: 7/88 (Tuntutan Nafkah Anak)

Yang Menuntut

Rosmie bt Mohd Tahir

Yang Kena Tuntut

Mohd Suhaimi Nordin

---

(13) Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 11/1965  
Ms 40.



d/a 8683, Pengkalan Pegoh  
Lahat, 31500, Ipoh  
K/P: 5381170

d/a Unit B 8, Federal  
Quarters, Jalan Telok  
Likas, 88100, Kota Kina  
balu Sabah.

### Tuntutan

Secara ringkas disebutkan di sini bahawa pihak Menuntut telah membuat pengakuan dalam Penyata tuntutan bahawa beliau telah berkahwin dengan bekas suaminya pada 26.9.1982 dan bercerai pada 3.6.86. Hasil dari perkahwinan itu mereka telah dikurniakan 3 orang cahaya mata. Selepas berlaku penceraian pihak yang kena tuntutan telah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap ketiga-tiga anaknya.

### Keputusan Mahkamah

Dalam perbicaraan yang diadakan pada 20.1.1989 Hakim Mahkamah Perak Selatan telah membuat keputusan dan mengeluarkan perintah:-

- (1). Diperintah dan difardhukan ke atas Yang Kena Tuntut membayar sebanyak \$250/= sebulan bagi nafkah 3 orang anak kepada Yang Menuntut mulai daripada bulan Januari 1989 hingga perintah lain dikeluarkan.
- (2). Pembayaran dibuat melalui Pejabat Biro Bantuan Guaman. Dikeluarkan perintah kepada Majikan Yang Kena Tuntut memotong pendapatan Yang Kena Tuntut sebanyak \$250/= sebulan tiap tiap bulan kepada Yang Menuntut hingga ke satu perintah lain dikeluarkan.

### 2.2. Mahkamah Kadi Besar

Mahkamah Kadi Besar diadili oleh seorang Hakim iaitu Kadi Besar. Kadi Besar akan membicarakan kes-kes di seluruh Wilayah Kadi Negeri Perak. Mahkamah Kadi Besar tidak mempunyai bangu

nan Mahkamah sendiri.

Mahkamah Kadi Besar dalam bidangkuasa Jenayahnya boleh menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau gabungan kedua duanya.

Asas 45(3) Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak memperuntukkan:-

(a)Di dalam kuasa jinayahnya membicarakan mana mana kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam yang boleh dihukum di bawah Undang Undang ini dan boleh menjatuhkan hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu;

(b)di dalam kuasa Malnya membicarakan dan memutuskan segala perbicaraan, jika kedua pihak yang dibicarakan itu beragama Islam yang berkenaan dengan-

(i)pertunangan, nikah cerai, membatalkan nikah atau perceraian mengikut Hukum Mahkamah (Farak);

(ii)memberikan harta benda, atau tuntutan di atas harta yang berbangkit daripada perkara perkara yang tersebut di dalam pecahan kecil(i) bagi pecahan ini;

(iii)nafkah orang di bawah tanggungan, anak yang sah, penjaga kanak kanak atau pemeliharaan kanak kanak;

(iv)menentukan orang oarang yang boleh mendapat harta pusaka si mati dan bahagiannya mengikut Hukum Syarak;

(v) wasiat atau pemberian di masa hendak mati yang dibuat oleh si mati yang beragama Islam;

- (vi) pemberian pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang diperbuat yang tiada bersyarat bayaran yang tunai atau benda yang berharga oleh seorang yang beragama Islam;
- (vii) Wakaf atau nazar; atau
- (viii) lain lain perkara yang diberi kuasa tadbir kepadanya oleh mana mana Undang Undang yang berkanun: Dengan syarat Mahkamah Kadi Besar tidaklah lazimnya membicarakan mana mana kesalahan atau memutuskan apa apa pembicaraan yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Kadi.

Kes kes yang melibatkan Mahkamah Kadi Besar amatlah banyak. Untuk meringankan tugas Kadi Besar yang juga menjadi Ketua Pendaftaran Nikah, Cerai dan Rujuk, satu usaha telah dibuat dimana Kadi Litar mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes kes di bawah bidang kuasa Kadi Besar. Pada 5hb. September 1987 dalam Warta Kerajaan Perak No. 1353 telah diwartakan perlantikan dua Kadi Litar untuk menjalankan kuasa Kadi Besar disamping kes kes Mal Mahkamah Kadi. Warta itu berbunyi:-

'Pada menjalankan kuasa kuasa yang diberi oleh seksyen 43(1) Undang Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, selepas berunding dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Perak melantik secara sementara Kadi Kadi berikut bagi menjalankan tugas tugas dan kuasa kuasa Kadi Besar mufs; 1hb. Oktober 1987:

- ( i ) Tuan Haji Muhamad Asri bin Haji Abdullah  
Kadi Mahkamah Syariah Selatan
- (ii) Tuan Haji Sulaiman bin Ismail  
Kadi Mahkamah Syariah Perak Utara

Kadi Besar mempunyai tugas yang amat berat kerana selain dari terlibat dengan Mahkamah, beliau juga terlibat sebagai Ketua Pentadbir Kadi Kadi dan di peringkat Jabatan beliau merupakan di antara Pegawai Kanan Jabatan yang turut terlibat dalam menentukan polisi atau perjalanan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak. Keadaan ini akan menyebabkan beliau terpaksa memberikan penumpuan secara adil di antara Mahkamah dan Pentadbiran. Keadaan ini boleh mencacafkan perjalanan Mahkamah yang turut dibebani dengan pelbagai masalah seperti kekurangan kakitangan.

Contoh Kes Perbicaraan Mahkamah Kadi Besar

PENDAKWA MAHKAMAH SYARIAH PERAK

Lwn

Abd. Rahim bin Maarof & Ramlah bt Ram

Mahkamah Kadi Besar Ipoh

Tarikh: 18.8.1989 Jam 3.25 ptg.

Hakim: Haji Muhd. Asri bin Haji Abdullah

Kes Jenayah Bil. 174/89

Ydt. I : Hadir bersendirian

Ydt. II : Hadir bersendirian

Pegawai Pendakwa: Haji Abd. Aziz bin Mohd Yusof

---

Ydt 1 : Abd Rahim bin Maarof

No. K. P: 5264560

- 56, SS 21/22 Damansara

Utama K. Lumpur @ 16, Jalan

14/15, P. Jaya Selanhor D. E.

Ydt 11 : Ramlah bt Ram

- 16, Jalan 7/70A, Seri Harta

mas, K. Lumpur @ Batu 7, Ke

sang, Muar Johor D. T.

### Tuduhan

Bahawa kamu berdua dituduh bersama melakukan kesalahan 'Khalwat' pada 18hb.Ogos 1989 antara jam 12.30 pagi hingga jam 4.30 pagi di Bilik No.1020,Hotel Excelsior,Ipoh kerana kamu berdua telah bersekedudukan dan bersekediaman yang mendatangkan syak.Kamu berdua bukan suami isteri yang sah mengikut Hukum Syarak pada itu dan bukan mahram.

Kamu Ydt I dituduh di bawah Seksyen 154(1) dan

Kamu Ydt II dituduh di bawah Seksyen 154(2) Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak Bil.11 Tahun 1965.

### Catitan Mahkamah

Secara ringkas dinyatakan di sini bahawa kedua dua yang dituduh faham tuduhan yang dikemukakan dan faham akibat pengakuan mereka.

Kedua dua mereka telah mengaku bersalah.

Hakim telah membuat keputusan seperti berikut:-

Ydt I - Penjara 3 bulan atau denda \$300.00

Ydt II - Penjara 3 bulan atau denda \$300.00

### 2.3.Jawatankuasa Ulangbicara

Jawatankuasa Ulangbicara merupakan satu Jawatankuasa yang ditubuhkan tidak dalam bentuk Mahkamah.Ini berdasarkan kepada pentadbiran Jawatankuasa ini yang tidak mempunyai kakitangan seperti Pendaftar,Kerani dan sebagainya biarpun fungsinya sama dengan Mahkamah Rayuan/Agong.Apa yang lebih ketara lagi ialah keanggotaan Jawatankuasa ini hanyalah bersifat sementara khususnya dari kalangan tujuh orang ahli yang dilantik setiap tahun oleh D.Y.M.M.Sultan Perak.Perlantikan mereka ini kadang kadang menimbulkan sedikit kesulitan yang mana boleh menyebabkan kes kes rayuan terpaksa ditangguh.

Komposisi Jawatankuasa ini terdiri dari 3 orang ahli. Salah seorang dari mereka hendaklah Mufti dan seorang Pengerusi tetap yang berpengalaman dalam hal Mahkamah dan mendapat tau liah daripada D.Y.M.M.Sultan Perak. Pada masa ini Pengerusi tetap Jawatankuasa ini ialah Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh. Seorang lagi Jawatankuasa ini dipilih dari sekumpulan seramai 7 orang sekurang kurangnya yang dilantik setiap tahun oleh D.Y.M.M.Sultan Perak. Kumpulan '7' ini biasanya terdiri dari bekas bekas Kadi Besar, Kadi dan Pegawai Pegawai tinggi Kerajaan yang mempunyai latar pendidikan agama.

Seksyen 46(2) Undang Undang Pentadbiran Agama Islam Perak memperuntukkan:-

'Maka Jawatankuasa Ulangbicara itu hendaklah mengan dungi tiga orang ahli, salah seorang daripadanya hendaklah Mufti dan seorang Pengerusi tetap yang ada pengalaman dalam hal Mahkamah dan mendapat tau liah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan seorang lagi dipilih daripada sekumpulan seramai tujuh orang sekurang kurangnya yang dilantik pada tiap tiap tahun oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan'.

Jawatankuasa ini berperanan menerima dan mendengar rayuan ra yuan dar kes kes Jenayah dan Mal dari keputusan keputusan yang dibuat di Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi. Dalam b bidangkuasa Jenayahnya Seksyen 46(1) (a) Undang Undang Pentad biran Agama Islam Perak ada menyebutkan:-

'bagi kuasa tadbir Jenayahnya, diperbuat oleh seorang yang di dapati salah dan dihukum penjara atau denda yang tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit; permintaan Ulangbicara itu boleh diperbuat kerana menentang keputusan mendapatkan kesalahan atau huku

man ataupun kedua duanya;

Seksyen 46(1) b memperuntukkan kuasa tadbir malnya iaitu:-

(b) di dalam kuasa malnya-

- (i) diperbuat oleh seseorang yang tidak berpuashati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Kadi atau Mahkamah Kadi Besar jika harga perkara yang dituntut itu tidak kurang daripada seratus ringgit;
- (ii) diperbuat oleh seseorang yang tiada puashati dengan keputusan yang bersabit dengan segala perkara mengenai taraf dirinya;
- (iii) diperbuat oleh seseorang yang tiada puashati dengan keputusan di dalam segala perkara yang bersabit dengan nafkah orang orang tanggungannya: Dengan syarat bahawa permintaan Ulang bicara itu tidak boleh dibuat jika keputusan itu ialah dengan persetujuan oleh kedua belah pihak.

Contoh Kes Jawatankuasa Ulangbicara

PENDAKWA MAHKAMAH SYARIAH

Lwn

Noorsiah bt Eliyas

Kes Jenayah Sumbang No.2/88


Catatan:

Pihak Merayu telah mengemukakan rayuan agar keputusan yang di jatuhkan kepadanya oleh Mahkamah Kadi Besar Kuala Kangsar di ringankan.

Keputusan:

Jawatankuasa Rayuan Ulangbicara mengekalkan keputusan yang di buat oleh Mahkamah Kadi Besar Kuala Kangsar.

STRUKTUR MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERAK D.R.



Catatan:

Struktur ini adalah berdasarkan kepada 'Bidangkuasa'. Kuasa Rayuan hanya boleh dibuat di Jawatankuasa Rayuan Ulangbicara berdasarkan kes kes dari Mahkamah Kadi. Mahkamah Kadi Besar. termasuk jagg untuk membatalkan apa apa keputusan atau segala kuasa yang termasuk dalam bidangkuasa Jawatankuasa Rayuan Ulangbicara.